

Art Market Malaysia tampil karya seniman OKU



Muhammad Fahmi bersama sebahagian karya yang dipamerkan di Art Market Malaysia.

Kuala Lumpur: Penghidap autism, Muhammad Fahmi Bukari tidak melihat diagnosis beliau itu sebagai satu halangan untuk terus mengekspresi diri menerusi penghasilan karya yang menarik.

Meskipun autism dilihat sebagai satu gangguan bagi perkembangan otak, tetapi Muhammad Fahmi yang juga graduan hubungan antarabangsa dari Universiti Malaya sentiasa optimis, malah menjadikannya sebagai satu pendorong untuk beliau terus bergerak ke hadapan.

Pengasas Art Market Malaysia, Hazrita Mohd Hatta, berkata Muhammad Fahmi yang gemar melukis pelbagai landskap, bangunan serta objek menarik, disahkan sebagai penghidap *high functioning autism*.

"Ia memberi kelebihan kepadanya, termasuk membolehkan beliau menggambarkan dengan mendalam mengenai sesuatu lokasi, latar belakang dan fakta setiap hasil karyanya.

"Muhammad Fahmi yang berkarya menggunakan pena, sering menghasilkan karya berdasarkan tempat yang dikunjungnya dan kali ini beliau menghasilkan lukisan peta berdasarkan istana di Jepun," katanya kepada BH.

50 karya seniman OKU

Lukisan Muhammad Fahmi antara 50 karya oleh seniman orang kurang upaya (OKU) yang akan dipamerkan untuk jualan di IOI Mall, Puchong, sehingga Ahad ini.

Pameran sama akan turut berlangsung di ruang legar Great Eastern Mall, Ampang bermula 9 hing-

ga 14 Januari ini.

Hazrita berkata, beliau melihat keperluan mengadakan satu acara pameran melalui Art Market Malaysia bagi menyerlahkan keistimewaan karya yang dihasilkan kalangan seniman kurang upaya ini.

Usaha ini yang dimulakannya sejak 2015, membuahkan hasil apabila ramai penggemar seni memberi tumpuan kepada karya dihasilkan kalangan seniman OKU.

"Meskipun mereka menghidap stroke, autistik malah ada di antaranya buta, tetapi ia masih tidak menghalang mereka untuk menghasilkan karya seni yang menarik.

"Kekurangan dihadapi turut menjadikan mereka pengkarya yang sensitif terhadap persekitaran dan ini yang mahu kami tampilkan kepada orang awam dan penggemar seni," katanya.